

Analisis Kesalahan Morfologi Penulisan Akademik Bahasa Arab Terhadap Pelajar Bukan Penutur Jati : Kajian Korpus

Diyak Ulahman Bin Mat Saad
diyakulahman@kuis.edu.My

Hibriyatul Rifhan Binti Abu Bakar
hibriyatulrifhan@kuis.edu.My

Hanis Najwa Binti Shahrudin
hanisnajwa@kuis.edu.my

Siti Nor Atiqah Binti Amran
atiqamran96@gmail.com

ABSTRAK

Bahasa Arab tidak asing lagi di negara Malaysia, ia adalah salah satu bahasa yang dipelajari oleh pelajar di peringkat sekolah mahupun diperingkat pengajian tinggi. Namun begitu, sejauh manakah pelajar dapat mengaplikasikan bahasa Arab dalam penulisan apabila telah masuk ke alam university. Maka dalam kajian ini, pengkaji akan mengkaji satu sudut Morfologi daripada hasil penulisan karangan bahasa Arab pelajar semester 2 di KUIS. Sebanyak 66 teks yang ditulis dalam perenggan pendek. Morfologi adalah kajian, pengenalpastian, analisis dan penerangan tentang unit makna yang membentuk satu perkataan. Kajian terhadap asas-asas pembentukan suatu kata dengan mengenalpasti susunan perkataan secara berstruktur dan bagaimana perkataan tersebut bercantum sehingga mewujudkan struktur kata yang membawa maksud tertentu. Jenis kesalahan di dalam kajian ini terbahagi kepada tiga iaitu kesalahan membina kalimah yang sesuai, kesalahan penggunaan kata kerja, dan kesalahan lain yang berkaitan morfologi.

Katakunci : Morfologi, Penulisan Bahasa Arab, Korpus

Pengenalan

Bahasa Arab merupakan bahasa yang tidak asing lagi di mata dunia, ia telah lama menjadi tempat di banyak negara. Malaysia juga tidak ketinggalan untuk menjadikan bahasa Arab sebahagian dalam kurikulum sekolah menengah sejak tahun 1977 dengan penubuhan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) ini menurut Zainal Abidin (1990) dalam Hassan Basri dan Muhammad Azhar (2004). Selain itu sekolah-sekolah agama bawah kerajaan negeri terlebih dahulu mendedahkan pelajar di Malaysia dengan bahasa Arab.

Namun begitu, sejauh mana pelajar dapat mengaplikasikan bahasa Arab dalam penulisan apabila telah masuk ke alam university. (sumber) Menurut Ab. Halim Mohamad, Mohd Azidan Abdul Jabar (2017) beberapa faktor yang mempengaruhi kesalahan bahasa terutamanya dalam

mempelajari bahasa asing atau bahasa kedua. Bahasa ibunda juga menjadi faktor dalam kesalahan bahasa di kalangan pelajar yang mempelajari bahasa kedua (Interlanguage) (Jack C. Ricard 1970). Ooi (2017) dalam Alhaadi Ismail dan Zaitul Azma Zainon Hamzah menyatakan bahawa pengaruh bahasa pertama menyebabkan murid bukan penutur jati terbawa-bawa struktur nahu bahasa pertama dalam penggunaan bahasa kedua dalam pertuturan dan penulisan.

Sementelahan banyak kertas kajian berkaitan analisis kesalahan bahasa Arab terutamanya kajian berkaitan penulisan pelajar. Antaranya seperti kajian yang dilakukan oleh Rofian Ismail, Mohamad Redzaudin Ghazali, Ahmad Akmar Abdul Latif, Khairatul Effendy Ahmad Sokri (2014), Wan Rohani Wan Mokhtar, Mohd Zaki Abd. Rahman, Mohamad Azrien Mohamed Adnan, Nor Hazrul Mohd Salleh (2018), Mohammad Baihaqi Bin Hasni, Mardhiyyah Binti Zamani, Shahrel Ahmad bin Shuhel Ahmad (2017), Mohamad Rofian Ismail, Ahmad Redzaudin Ghazali, Khairatul Akmar bin Abdul Latif, dan Muhammad bin Daoh (2018), Ab. Halim Mohamad dan Mohd Azidan Abdul Jabar (2017) dan bagi bahasa kedua yang lain seperti bahasa Inggeris Mayang Widhi Pamulat Kristi dan Sugirin (2016). Selain itu, bahasa Jerman dikaji oleh Yusuf Tonapa, Muhammad Anwar, dan Mantasiah R (2018).

Linguistik Korpus

Linguistik merupakan kajian bahasa secara saintifik manakala objek yang menjadi kajian dalam bidang linguistik ialah bahasa, iaitu penelitian terhadap struktur bahasa (Norliza Jamaluddin, 2010). Menurut Corder (1992) dalam (Willelmira Castillejos López, 2009) linguistik dikritik kerana tiada kaedah yang menuntut kejitaan saintifik. Kajian linguistik dianggap sebahagian daripada disiplin ilmu lain: logik, sosiologi, falsafah, psikologi dan sebagainya. Sejarah data korpus bermula pada tahun 1964 apabila Francis dan Kucera membangunkan Korpus university Brown (Rosli & rakan-rakan, 2004 dalam Muhammad Fauzi Jumingan, 2006).

Data korpus adalah bersifat pengumpulan data yang banyak dan besar. Hal ini dinyatakan oleh Norhaliza Nordin (2010) data korpus yang dibina biasanya mempunyai saiz yang besar, iaitu terdiri daripada ratusan juta perkataan, terdiri daripada pelbagai bidang dan laras serta diambil daripada pelbagai sumber, contohnya data yang termuat dan *monitar corpus*. Sehubungan dengan itu, ahli linguistic mampu mengumpul dan memaparkan pengalaman berbahasa penulis dan penutur bahasa berkenaan.

Norhaliza Nordin (2010) tambahannya lagi, saiz yang besar ini telah menghasilkan pola bahasa yang bermakna serta dapat memberikan gambaran tentang sifat bahasa secara konsisten dan membolehkan pengkaji mengeksplotasikan data yang telah ada sepenuhnya dengan menggunakan perisian-perisian tertentu. Perisian ini membantu pengkaji meneliti cara sesuatu bahasa digunakan. Sinclair memberi pengertian korpus adalah kumpulan cebisan bahasa (atau teks lengkap) yang dipilih dan disusun mengikut kriteria linguistic yang eksplisit dan digunakan sebagai sample sesuatu bahasa.

Data yang dikumpulkan, disimpan dan disusun untuk kajian bahasa diistilahkan sebagai data korpus. Disebabkan data korpus pada masa kini tersimpan dalam bentuk elektronik dengan menggunakan perisian tertentu, maka istilah data korpus berkomputer telah digunakan (Norhaliza Nordin, 2010). Muhammad Fauzi Jumingan (2006) dalam tulisannya menyatakan korpus

computer adalah korpus yang diberi penanda, kod, dan diformatkan serta dapat dicapai dan diproses dengan computer.

Selain itu, data korpus bukan sahaja teori tetapi ia telah menjadi sebuah metodologi dalam bidang linguistic disebabkan penggunaan teknik yang jitu, menarik dan terkini yang bersifat kotemporari. Perkara ini ada dinyatakan dalam Willelmira Castillejos Lopez (2009), kebanyakan cendekiawan bersetuju menganggap korpus linguistic sebagai metodologi dan bukan sekadar teori sahaja, dengan ini korpus linguistic telah menjumpai pasangan yang sempurna untuk mengembangkan lintasan saintifiknya dalam bidang linguistic.

Masalah Kajian

Miskipun bahasa Arab telah lama menapak di Malaysia dan pelajar telah didedahkan pendidikan bahasa Arab di peringkat menengah, masih menjadi lompong dalam penulisan mahasiswa terutama dalam aspek morfologi. Kenyataan ini disokong oleh Mohamad Rofian Ismail, Ahmad Redzaudin Ghazali, Khairatul Akmar Abdul Latif dan Muhammad bin Daoh (2018), masalah yang sering dihadapi dalam kalangan pelajar adalah bagaimana untuk memulakan penulisan. Mereka keliru memilih bentuk pembinaan ayat yang sesuai dan betul untuk digunakan dalam ayat. Manakala menurut Rusydi Ahmad Thuimah (1989), masalah kemahiran menulis yang kerap dihadapi oleh pelajar bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau asing peringkat awal berhimpun pada tiga masalah utama iaitu mengeja, melukis huruf, dan membentuk ayat seterusnya menulis karangan mudah (Osman Khalid, 1994) dalam Mohamad Rofian Ismail dan rakan-rakannya (2018). Mahasiswa juga sukar untuk membentuk *masdar* dalam penulisan bahasa Arab (Hanizam Muhamad Ghazali, 2004) dalam Haniah (2018).

Mahasiswa juga mempunyai masalah dari segi aspek sintaksis. Pengkaji melihat ini adalah masalah yang paling besar dikalangan mahasiswa, kerana hal ini banyak dapat perhatian daripada pengkaji lain. Antaranya, Nik Mohd Rahimi Nik Yusuf (2008) dalam Muhammad Ziyad Mukhtar dan Izzuddin Muhammad (2011), disiplin tatabahasa bahasa Arab dan sifatnya berbeza dengan bahasa Melayu yang telah menimbulkan masalah dalam penguasaan sesuatu bahasa. Selain itu, kemampuan pelajar Asasi Universiti Awam Malaysia dalam mengaplikasikan tatabahasa dalam kemahiran menulis pada tahap kesederhanaan, ini adalah hasil kajian Wan Rohani Wan Mokhtar, Mohd Zaki Abd. Rahman, Mohamad Azrien Mohamed Adnan dan Nor Hazrul Mohd Salleh (2018). Nor Effendy Ahmad Sobri dan Mohammad Rofian Ismail (2017), pemerhatian pengkaji terhadap mahasiswa Program Pengajian Asas Bahasa Arab didapati penguasaan kemahiran menulis adalah lemah. Mereka menghadapi kesukaran untuk menulis ayat dengan sempurna dan menepati aspek-aspek nahu bahasa Arab. Selain itu, pelajar melakukan kesalahan nahu seperti kesalahan dalam penggunaan gender (Maskulin&Feminin), kata ganti nama diri (Dhomir), kesalahan Frasa (Idafah&Sifat), dan kesalahan penggunaan kosa kata (Mohammad Rofian Ismail, Redzaudin Ghazali, Khairatul Akmar Abdul Latif dan Nor Effendy Sokri, 2014)

Pada masa yang sama kajian yang menggunakan data korpus bagi mengenalpasti kesalahan penulisan bahasa Arab telah mula berkembang di negara eropah namun tidak di Malaysia. Ini kerana penulis banyak menjumpai makalah analisis kesalahan bahasa Arab menggunakan kajian korpus ataupun makalah yang membincangkan data korpus daripada negara eropah. Antaranya, Willelmira Castillejos Lopez (2009) yang membincangkan teknik data korpus. Ghazi Abuhakema, Reem Faraj, Anna Feldman, Eileen Fitzpatrick (2008) mengumpul korpus bahasa Arab untuk membina tag kesalahan anotasi bagi penggunaan analisis kesalahan berkomputer. Menurut mereka

juga, tidak ada *Learner Arabic Corpora* untuk kegunaan umum. Tambahan lagi, Abdullah Alfaifi dan Eric Atwell (2014), menyediakan data korpus atas talian untuk memudahkan para penyelidik dalam bidang linguistic bahasa Arab. Terdapat pengkaji yang memperkenalkan metodologi terperinci untuk pembangunan korpus pelajar iaitu Abdullah Yahya G. Alfaifi (2015). Abdullah Yahya Alfaifi (2014) panduan ataupun cara untuk menggunakan tagset bahasa Arab yang betul. Namun begitu tidak ramai penyelidik mengambil pendekatan korpus dalam menganalisis kesalahan bahasa Arab, menurut Anna Feldman and Ghazi Abu hakema and Eileen Fitzpatrick (2008) korpus bahasa Arab tidak ada untuk kegunaan umum. Menurut Abdullah Alfaifi, Eric Atwell, Hedaya Ibraheem (2014) korpora pelajar arab tidak begitu diberi perhatian, terutamanya mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua. Pihak DBP di Malaysia telah mempunyai data korpus yang cukup besar, hal ini dibukti oleh Muhammad Fauzi (2006). Selain itu, Dr Sarimah Shamsudin (2010), beliau menggunakan data korpus untuk analisis kesalahan bahasa Ingeris bagi mahasiswa Universiti Teknologi Malaysia. Penulis hanya menemui satu kajian data korpus bahasa Arab di Malaysia, oleh Nuraihan mat Daud, Haslina Hassan dan Normazuah Abdul Aziz (2013) kajian untuk mencari formula yang membolehkan pengguna mengukur tahap kesukaran dalam teks bhasa Arab dalam talian. Data korpus adalah sebuah metod baharu dalam bidang linguistic ini dapat dibuktikan ia bukan hanya tertumpu pada analisis kesalahan bahasa sahaja namun juga diaplikasikan dalam kajian penerjemahan oleh Susi Yuiawati (2018) dan Muhammad Fauzi (2006).

Objektif Kajian

Mengenal pasti kesalahan morfologi di dalam penulisan bahasa Arab melalui Korpus.

Persoalan Kajian

Apakah kesalahan penggunaan morfologi dalam penulisan akademi bahasa Arab terhadap pelajar bukan penutur jati?

Limitasi Kajian

Dalam pelaksanaan kajian ini, penulis memfokuskan kepada mahasiswa Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor peringkat diploma sesi 2 2018/2019. Mereka diwajibkan mengambil kursus bahasa Arab (الخليل اللغة العربية) pada tahun pertama pengajian. Pengkaji telah menggunakan kertas jawapan bahagian 2 ujian pertengahan mereka sebagai sampel kajian. Pada bahagian ini adalah penulisan karangan, pelajar hanya perlu mengarang pendahuluan sahaja tidak melebihi 50 patah perkataan berdasarkan beberapa tajuk yang diberikan. Selain itu, pengkaji menghadapi kekangan masa semasa proses penyelidikan. Oleh kerana itu, pengkaji hanya mengambil 66 hasil karangan pelajar untuk menganalisis kesalahan.

Pengkaji menganalisis kesalahan dari aspek morfologi . Tiga jenis tag kesalahan bagi morfologi iaitu, kesalahan membina kalimah yang sesuai, kesalahan penggunaan kata kerja (الخطاء) (في زمن الفعل) dan dan kesalahan lain yang berkaitan morfologi.

KAJIAN LITERATUR

Pengenalan

Bab ini akan membincangkan ulasan kajian lepas analisis kesalahan penulisan akademi bahasa Arab daripada sumber-sumber bahan bercetak seperti tesis, latihan ilmiah dan buku-buku rujukan dan juga sumber atas talian seperti jurnal-jurnal. Kemudian ulasan secara kritis akan dihuraikan dengan melihat persamaan dan perbezaan dengan objektif kajian ini.

Definisi Korpus

Dalam meniti arus kemodenan ini, korpus telah menjadi padanan yang sempurna dalam bidang linguistic. Ia adalah satu anjakan paradigma yang buat bidang linguistic terutamanya untuk penyelidikan. Menurut Willelmira Castillejos López (2009) korpus linguistic dianggap bukan sekadar teori tetapi lebih kepada sebuah metodologi. Istilah korpus berasal daripada bahasa Latin yang bermaksud body dan jamak bagi corpus ialah corpora (Knowles dan Zuraidah Mohd. Don, 2006). Dalam bidang linguistic istilah korpus mula muncul pada tahun 1964 (Muhammad Fauzi Jumingan, 2006) dan ia telah dijadikan sebuah metodologi yang luas dalam bidang linguistic.

Korpus adalah himpunan tulisan atau teks daripada majalah, buku, akhbar dan lain-lain untuk tujuan penyelidikan (Kamus Pelajar Edisi Kedua). Kamus linguistic (1997) mendefinikan korpus sebagai data mentah linguistic yang dikutip daripada kerja lapangan atau teks bertulis, dan analisis untuk membuat pernyataan saintifik tentang ciri fonologi, tatabahasa atau leksikal sesuatu bahasa, dalam Ahmad Harith Syah B. Md. Yusuf, Zuraidah Bt Mohd Sulaiman, Hoo Fang Jing dan Raihan Ibrahim (2016). Pada dasarnya definisi ini merujuk data bahasa yang berbentuk semulajadi atau asli yang dijadikan sumber dalam penyelidikan. Ini bermakna data bahasa yang dikumpulkan terdiri daripada data tulisan mahupun lisan.

Dasarnya istilah korpus, data korpus atau korpus berkomputer merupakan istilah-istilah bersinonim yang sering digunakan dalam penyelidikan linguistic. Kamus Dewan Edisi (1994) pula memberi maksud sebagai himpunan makalah (tulisan dan sebagainya) mengenai sesuatu perkara tertentu atau kumpulan bahan untuk kajian (seperti kumpulan contoh penggunaan kata). Selain itu, Crystal (1997) menyatakan bahawa data korpus merupakan koleksi data linguistic, sama ada teks bertulis atau transkripsi ucapan dirakam untuk digunakan sebagai titik permulaan pemerian linguistic atau sebagai cara mengesahkan hipotesis tentang bahasa. (Ahmad Harith Syah B. Md. Yusuf, Zuraidah Bt Mohd Sulaiman, Hoo Fang Jing dan Raihan Ibrahim, 2016).

Definisi Analisis Kesalahan Berpandukan Korpus

Umumnya apabila sebuah kajian yang berkaitan analisis kesalahan berpandukan korpus setidaknya pengkaji dan penyelidik tidak lari daripada istilah data korpus dan data korpus berkomputer. Pada isi yang lepas penulis telah menerangkan sedikit istilah yang dikaitkan dengan data korpus atau korpus berkomputer. Dalam linguistic moden, korpus mempunyai pengertian tambahan, yang diterjemahkan sebagai bahan yang ‘terbaca dan terolahkan komputer’ (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009) dalam Hishamudin Islam, Faizah Ahmad, Mashetoh Abd. Mutalib (2014).

Tambah Hishamudin Ilam, Faizah Ahmad dan Mashetoh Abd. Mutalib (2014) prinsip ‘terbacaka dan terolahkan komputer’ bermakna setiap data dari kumpulan teks digital tersebut boleh diproses dengan teknik dan kaedah linguistic perkomputeran untuk menampilkan pola dan hubung kait sesuatu leksis dengan sesuatu leksis yang lain. Dengan ini, tiada kesamaran atau

keraguan dalam mengenalpasti kesalahan, kerana setiap data perlu di muat ke dalam perisian data korpus. Menurut Tognini (2001) dalam Norliza (2010), kajian menggunakan data korpus sebagai asas penyelidikan bahasa adalah sesuai dengan persoalan mengenai bahasa itu sendiri.

Relatifnya penggunaan data korpus perkomputeran ini, adalah sesuai dengan peredaran zaman yang semakin moden dan pesat dengan teknologi. Dengan ini penggunaan data korpus perkomputeran telah membantu para pengkaji bidang linguistic dalam menjalankan kajian dengan lebih cepat, mudah dan berketepatan. Korpus telah dikotemporarikan dengan mengdigitalkan dan dibentuk secara elektronik supaya mudah diakses, tetapi tidak semua mudah diakses dan tersedia secara percuma contohnya, korpus Arab KACSTAC dan IUMAC (Nurairhan Mat Daud, Haslina Hassan dan Normaziah Abdul Aziz, 2013).

ANALISIS KAJIAN

Pengenalan

Pengkaji memperolehi dapatan kajian berdasarkan set pelabelan bahasa Arab (ETAr) yang telah dimasukkan ke dalam graf. Perbincangan dan analisis akan dijawab berdasarkan persoalan kajian:

Apakah kesalahan penggunaan morfologi dalam penulisan akademi bahasa Arab terhadap pelajar bukan penutur jati?

Analisis Kesalahan Korpus (CEA) (tulis kaedah sikit)

Pada bab sebelum ini pengkaji telah menjelaskan definisi dan bagaimana ia dilaksanakan sama ada secara manual ataupun korpus perkomputeran. Pengkaji hanya mengulang siar penulisan yang sebelum ini telah dinyatakan pada bab 2. Betapa kajian yang berpandukan korpus ini tidak diambil berat oleh pengkaji-pengkaji di Malaysia mahupun di Barat.

Kertas kajian ini menggunakan kaedah analisis kesalahan berpandukan korpus. Korpus adalah sebuah metodologi baharu dalam bidang linguistic. Data korpus adalah sebuah metodologi empirical yang berdasarkan pemerhatian dan eksperimen bukan teori semata, kajian ini adalah dengan pengumpulan data daripada penulisan karangan bahasa Arab pelajar. Ini bersesuaian dengan peredaran masa kini, ia lebih kompeten untuk menganalisis penulisan karangan.

Umumnya, data korpus bermaksud himpunan data dari pelbagai genre yang digunakan untuk meneliti pelbagai aspek kebahasaan dalam menghuraikan fenomena sebenar penggunaan sesuatu bahasa. Konsep ‘himpunan’ membawa maksud himpunan teks digital yang dikumpulkan berdasarkan kriteria tertentu (Hishamudin Isam, Faizah Ahmad dan Mashetoh Abd. Mutalib, 2014). Data yang terkumpul di dalam korpus boleh digunakan untuk mengetahui maksud perkataan berdasarkan teks dan fungsi perkataan dalam sesuatu teks, ini kebiasaannya dalam pengajaran korpus (*Learner Corpus*).

Analisis kesalahan berkorporus adalah data linguistic, sama ada penulisan ataupun pengucapan yang direkod. Bertujuan mencari hipotesis dan kesalahan untuk kajian dalam bidang linguistic. Ini bukan sahaja membantu pelajar untuk mengetahui kesalahan yang mereka lakukan, malah ia membantu para pengkaji dalam kajian analisis kesalahan penulisan. Sylviane Granger (1998) analisis kesalahan berkorporus (*Corpus Error Analysis*) merupakan tonjak dalam mewarisi kaedah yang membawa kepada instrument yang komprehensif bagi setiap kesalahan.


Set Pelabelan Bahasa Arab (ETAr)

Kajian Abdullah Aifaifi (2014) banyak memberi sumbangan dalam kertas kerja ini. Berdasarkan penulisan beliau, pengkaji telah menggunakan manual pelabelan kesalahan bahasa Arab tetapi ia perlu disokong dan disertai dengan metod kesalahan anotasi. Pelabelan kesalahan bahasa Arab atau dikenali dengan ETAr (*Error Tagset Arabic*) ia adalah satu anjakan paradigma bagi kesalahan bahasa Arab berpandukan korpus.

ETAr adalah satu gandingan yang tepat buat metod atau kaedah anotasi kesalahan dalam bahasa Arab. Kerana ia adalah sebuah palabelan yang mengkategorikan setiap kesalahan. Selain itu, memaparkan fungsi kepentingan anotasi kesalahan dalam kajian ini. Tiga perkara penting yang perlu dilaksanakan sebelum mengindentitikan label pada kesalahan penulisan karangan bahasa Arab, pertama adalah tentukan kesalahan dan keluarkan. Kedua, mengklafikasikan jenis kesalahan kemudian langkah terakhir membetulkan kesalahan.

Penandaan dan pelabelan ETAr berdasarkan langkah-langkah yang perlu dipatuhi oleh pengkaji. Pelabelan perlu di tanda pada kesalahan bukan pada pembetulan. Menentukan kesalahan mengikut aras paling tinggi dalam linguistic, bermula daripada semantic kepada ortografi. Tanda baca tidak termasuk dalam katagori kesalahan penulisan karangan bahasa Arab. Namun begitu ia tetap penting, tanda baca perlu dibaiki berdasarkan konteks ayat yang telah dibetulkan. Ini menjadikan ayat mudah dibaca dan difahami. Di bawah adalah gambar rajah bagi label kesalahan penulisan bahasa Arab:

ANALISIS KESALAHAN MORFOLOGI



Berdasarkan graf di atas, kesalahan perubahan binaan perkataan (MI) merupakan min yang tertinggi kesalahan aspek morfologi. Manakala kesalahan penggunaan kata kerja(MT) min paling rendah dan lain-lain kesalahan(MO) min kedua tertinggi.

Perubahan Binaan Perkataan (الخطأ في اختيار بنية الكلمة المناسبة) (MI)

Perubahan binaan perkataan adalah bentuk morfologi. Perbezaan penggunaan perkataan mungkin akan menyebabkan kesalahan morfologi dan sintaksis seperti berikut:

- Menggunakan bentuk kata kerja yang berbeza boleh menyebabkan ayat kata kerja yang tidak tepat. Keralatan: ayat kata kerja.

- Menggunakan bentuk bilangan, jantina dan frasa kata nama tidak bersesuaian pada perkataan. Ini boleh menyebabkan kesalahan pada sintaksis.
- Melakukan kesilapan selain daridapa yang disebut tadi. Kesalahan biasa bagi morfologi.

Contoh:	Pembetulan:
<p>- وجد أنشطة كثيرا لوحد أقوام إسلام.</p> <p>- العائلات هي أشخاص مهمة في حياتنا.</p> <p>- هي تزيد الإيمان في قلب.</p>	<p>- وجد أنشطة كثيرة لتوحد أقوام المسلمين.</p> <p>- العائلات هي أشخاص مهمة في حياتنا.</p> <p>- هي تزيد الإيمان في قلب.</p>

Penggunaan Kata Kerja (الخطأ في زمن من الفعل) (MT)

Kata kerja bahasa Arab terbahagi kepada iaitu, lepas (المضى), semasa (المضارع) dan arahan (الامر) berdasarkan bentuknya. Penggunaan kata kerja yang konsisten pada konteksnya akan menyampaikan makna yang dimaksudkan. Jika penulis menggunakan kata kerja yang salah ini akan menyebabkan maksud tidak sampai.

Contoh:	Pembetulan:
<p>- إذا وصل شوال، أستيقظ وأذهب إلى الحمام.</p> <p>- وترتل القرآن ترتلا.</p> <p>- وهذه القواعد يسهلنا ليفهم عن هذه المادة.</p>	<p>- إذا وصل شوال، استيقظت وذهبت إلى الحمام.</p> <p>- رتل القرآن ترتلا.</p> <p>- وهذه القواعد سهل ليفهم عن هذه المادة.</p>

Lain-lain Kesalahan yang berkaitan morfologi (أخطاء صرفية أخرى) (MO)

Kesalahan-kesalahan lain yang boleh dikategorikan di bawah kesalahan morfologi. Kesalahan baru yang tidak tersenarai diatas.

Contoh:	Pembetulan:
<p>- المسجد هو المكان خصوصا للمسلمين العبادة.</p>	<p>- المسجد هو مكان العبادة مخصص للمسلمين.</p>

– الناس الذي لم تحفظ على نظافة الإنسان.	– لا الناس لا المحافظة على النظافة الإنسان.
– هذا المبني تكون في الثقافة والمعاملات.....	– هذا المبني تكون وسط الثقافة والمعاملات.....

KESIMPULAN

Kesimpulan kajian ini akan dibentangkan berdasarkan objektif kajian iaitu mengenal pasti kesalahan morfologi di dalam penulisan bahasa Arab melalui Korpus. pelajar lemah dari segi aspek morfologi, berdasarkan dapatan kajian memperlihatkan morfologi adalah kekerapan kedua yang ramai pelajar melakukan kesalahan. Terutamanya pada label MI kesalahan *I'rab* sebanyak 104 kekerapan yang dicatatkan.

Cadangan Kajian

Berdasarkan dapatan kajian ini, pengkaji telah melihat kekerapan kesalahan yang dilakukan pelajar. Maka pengkaji menyenaraikan beberapa cadangan yang perlu dilaksanakan dan dipraktikkan oleh tenaga pengajar dan pelajar.

Tenaga pengajar

1. Menjelaskan kaedah pembinaan kalimah dengan cara mudah.
2. Menggunakan kaedah pembinaan kalimah dalam pembinaan ayat.
3. tenaga pengajar perlu terdedah kepada teknik pengajaran morfologi yang mengikut selaras dengan peredaran zaman.
4. menyediakan bahan bantu mengajar yang berkesan dalam berkaitan morfologi bahasa Arab.

Pelajar

1. Menghafal tasrif pembinaan kalimah.
2. Membuat latihan tubi dengan kerap berkaitan tasrif pembinaan kalimah dalam penulisan bahasa Arab.
3. Membaca dan meneliti pembinaan kalimah dalam penulisan bahasa Arab seperti surat khabar, majalah, buku cerita dan sari kata.

Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian analisis kesalahan penulisan akademik bukan penutur jati berpandukan ini hanyalah permulaan bagi bidang bahasa Arab yang bermetodologikan korpus linguistic. Kerana ia amatlah bersesuaian dengan peredaran zaman yang penuh kecanggihan dan ketepatan dalam setiap kajian yang dilakukan. Korpus adalah satu medium yang akan membantu para pengkaji dalam bidang bahasa Arab.

Kajian ini hanya pada langkah pertama, sebelum data dimasukkan kedalam system pengkorporasan. Kertas kerja ini hanya menggunakan set pelabelan manual yang telah disumbangkan oleh Abdullah Alfaifi (2014). Banyak perkara yang dapat disentuh jika ia diberi peluang kepada kajian lanjutan. Kerana analisis berpandukan korpus kurang diberi perhatian, sama ada para pengkaji tidak mengetahuinya atau tidak ambil peduli.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, kajian ini mencapai kesemua objektif kertas kerja ini. Daripada pengumpulan data mentah iaitu hasil penulisan pelajar, pendigitalan mentah, penganalisan data, pelabelan sehingga kepada hasil kajian yang diperolehi. Hal ini, akan pembantu para pengkaji lain dalam kajian berpandukan korpus.

Rujukan

- Richards, Jack C. 1970. *A Non-Contrastive Approach to Error Analysis*, <https://eric.ed.gov/?id=ED037721> [12 Jun 2019]
- Fillmore, Charles J. 1992. "Corpus linguistics" or "Computer-aided armchair linguistics". In: Svartvik, Jan (ed.) *Directions in Corpus Linguistics*. Berlin: de Gruyter. 35-60.
- Baker, Paul, Andrew Hardie & Tony McEnery. 2006. *A Glossary of Corpus Linguistics*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- McEnery, Tony, and Andrew Hardy. 2012. *Corpus linguistics: method, theory and practice*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Hibriyatul Rifhan. 2014. Variasi Kata Preposisi dalam Teks Sains Bahasa Arab: Analisis Berpandukan Korpus. Tesis Sarjana, Ijazah Universiti, Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Kebangsaan Malaysia, Bangi
- Nor Effendy Ahmad Sokri, Mohammad Rofian Ismail. 2017. Analisis Kesalahan Nahu (Sintaksis) Bahasa Arab Dalam Karangan Pelajar Pengajian tahu Asa Bahasa Arab, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. *National Pre University Seminar 2017*, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 23 Ogos 2017
- Normah Binti Husin. 2014. 044 Analisa Kesalahan Pelajar Dalam Penulisan Bahasa Arab: Menulis Resume. *International Research Management and Inovation Conference 2014 (IRMIC 2014)* November 2014 (044): 236-241
- Tareq Mitab Murad. 2015. Analysis of Error in English Writings Committed by Arab First-year College Students of EFL in Israel. *Journal of Language Teaching and Research* Vol 6, (No 3):475-481
- Mayang Widhi Pamulat Kristi dan Sugirin. 2016. Analisis Kesalahan Sintaksis Dan Morfologis Karangan Bahasa Inggeris Siswa SMA Bopri I Yogyakarta. *Jurnal Ilmiah Bahasa, Sastra, dan Pengajarannya* 2016 Vol. 1 (24):74-85
- Ab. Halim Mohamad & Mohd Azidan Abdul Jabar. 2017. Faktor Kesalahan Bahasa yang Mempengaruhi Pelajar Melayu dalam Mempelajari Bahasa Arab. *Jurnal AL-ANWAR* Vol. 1(3):21-32
- Toto Suharto & Ahmad Fauzi. 2017. Analisis Kesalahan Sintaksis Dalam Buku Teks Bahasa Arab Untuk Perguruan Tinggi Keagamaan Islam. *Arabiyat: Jurnal Pendidikan Bahasa Arab dan Kebahasaaraban* Vol. 1(4): 20-37.
- Mohammad Baihaqi Bin Hasni, Mardhiyah Binti Zamani, Shahrel Ahmad bin Shuhel Ahmad. 2017. Error Analysis in Arabic Language among Engineering Student at Universiti Malaysia Pahang. *7th International Conference on Literature, Humanities, Social Sciences and Education (LHSSE)* Sept. 2017 124-130.
- Mohamad Rofian, Ahmad Redzaudin Ghazali, Khairatul Akmar bin Abdul Latif, dan Muhammad Bin Daoh. 2018. Kebolehan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di Universiti Awam Malaysia dalam Kemahiran Menulis Karangan Bahasa Arab. *UNISEL Press. Selangor Humaniora Review* 2018: 9-21.

- Mohamad Rofian bin Ismail, Ahmad Redzaudin Ghazali, Dr. Khairatul Akmar Abdul Latif, Nor effendi Ahmad Sokri. 2014. Analisis Kesalahan Nahu Arab Dalam Karanagan Pelajar Kursus Pengukuhan Bahasa Arab. *International Research Management and International Conference 2014 (IRMIC 2014)* November 2014: 295-311.
- Alhaadi Ismail & Zaitul Azma Zainon Hamzah. 2018. Analisis Kesalahan dalam Penulisan Pelajar Kedua dari Aspek Morfologi. *Jurnal Linguistik* Vol. 1 (22): 24-31.
- Yusuf Tonapa, Muhammad Anwar, dan Mantasiah R. 2018. Analisis Kesalahan Penggunaan Deiksis dalam Karangan Sederhana Bahasa Jerman. *Eralingua: Jurnal Bahasa Asing dan Sastera* Vol. 2 (1): 55-62.
- Haniah. 2018. Analisis Kesalahan Berbahasa Arab Pada Skripsi Mahasiswa Jurusan Bahasa dan Sastra Arab. *Arabi: Journal of Arabic Studies* Vol. 1 (3): 23-34.
- Sumaiyah Sulaiman, Nik Farhan Mustapha, Pabiyah Toklubok@Hajimaming, Wan Muhammad Wan Sulong. 2018. Permasalahan Kemahiran Menulis Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Peringkat Pengajian Tinggi. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* Vol. 2 (5): 142-151.
- Hassan Basri Bin Awang Mat Dahan & Muhammad Azhar Bin Zailani. 2004. Kurikulum Baru Bahasa Arab Komunikasi dan Bahasa Arab Tinggi Sekolah Menengah. *Masalah Pendidikan* 27: 65-74.
- Nor Asree. 2017. Gangguan Bahasa Dari Aspek Tatabahasa dalam Kalangan Pelajar Melayu. *Jurnal AL-ANWAR* Vol.4 (no. 2): 1-19.
- Noorafini Kassim, Dr. Saini Ag. Damit & Dr. Muhammad Suhaimi Taat. 2017. Pengaruh Sikap Pelajar dan Pengajaran Guru Terhadap Penguasaan Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar PPIB, UMS. *Jurnal 'Ulwan* Jilid 1: 125-142
- Noor Anida Binti Awang, Norhayati Che Binti Hat & Nurazan Binti Mohamad Rouyan. 2014. Analisa Kelemahan Kemahiran Menulis Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar UNIZA. *Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014* September 2014: 281-288.
- Wan Rohani Wan Mokhtar, Mohd Zaki Ad. Rahman, Mohamad Azrien Mohamed Adnan & Nor Hazrul Mohd Salleh. 2018. Kamampuan Pelajar Asasi Universiti Awam Malaysia Mengaplikasikan Tatabahasa Arab dalam Kemahiran Menulis. *AL-BASIRAH* Vol. 8 (No. 8): 99-111.
- Willelmira Castillejos Lopez. 2009. Error Analysis in A Learner Copus. What Are The Learners's Strategies? <https://www.um.es/lacell/aelinco/contenido/pdf/45.pdf> [20 Jun 2019]
- Ghazi Abuhakema, Reem Faraj, Anna Feldaman dan Eileen Fitzpatrick. 2008. Annotating an Arabic Learner Corpus for Error. *European Language Resources Association (ELRA)*. Vol. 1 (No. 08): 1347-1351.
- Hishamudin Isam, Faizah Ahmad dan Mashetoh Abd. Mutalib. 2014. Wajaran Penggunaan Data Korpus dalam Penulisan Ilmiah: Dimensi Baharu Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM* Vol.2. (Bil. 4): 67-77.
- Sean Wallis & Gerald Nelson. 2001. Knowledge Discovery in Grammatically Analysed Corpora. *Kluwer Academic Publishers* Jun 9, 2000 (5): 305-335.
- Norliza Jamaluddin. 2010. Penelitian Tatabahasa: Anatara Data Korpus Dengan Intuisi. <https://scholar.google.com/citations?user=NRHWa10AAAAJ&hl=en> [29 Julai 2019]
- Dr. Sarimah Shamsudin & Nurul Ros Adira Mahady. 2010. Corpus Linguistic Based Error Analysis of First Year Universiti Teknologi Malaysia Students' Writing. http://eprints.utm.my/id/eprint/10276/2/Nurul_Ros_Adira_Mahady.pdf [13 Oktober 2019]

- Sevinj Mammadova, Gulnar Azimova dan Abulfat Fatullayer. 2010. Text Corpora and Its Role In Development Of The Linguistic Technologies For The Azerbaijani Language. *The Third International Conference "Problems of Cybernetics and Informatics" 6-8 September 2010*, hlm. 67-70.
- Hishamn Isam & Norsimah Mat Awal. 2011. Analisis Berasaskan Korpus Dalam Menstruktur Semula Kedudukan Makna Leksikal. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* Vol.1 (11): 143-158.
- Oktay Akarsu. 2011. Error Analysis in Oral Production of Turkish Learners of English. *Ataturk Universitesi Sosyal Bilimler Enstitüsü Dergisi* Vol.1 (15): 235-252.
- Hishamudin Isam & Norasimah Mat Awal. 2012. Nilai Setia Dari Perspektif Prosodi Semantik: Analisis Berbantu Data Korpus. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* Vol.2 (12): 359-373.
- Haslina Hassan, Eric Atwell dan Nuraihan Mat Daud. 2013. Connectives in the World Wide Web Arabic Corpus. *World Applied Sciences Journal* 2013. (21): 67-72.
- Nur Raihan Mat Daud, Haslina Hassan dan Normaziah Abdul Aziz. 2013. A Corpus-Based Readability Formula for Estimate of Arabic Texts Reading Difficulty. *World Applied Sciences Journal* 2013. (21): 168-173.
- Majdi Sawalha, Mohammad A. M. Abusharlah. 2013. SALMA: Standard Arabic Language Morphological Analysis. *International Conference on Communications, Signal Processing, and their Applications (ICCSPA) 2013* (9): 1-7. <https://www.researchgate.net/publication/261313488> [7 Ogos 2019].
- Abdullah ALFAIFI, Eric ATWELL dan Hedaya IBRAHEEM. 2014. Arabic Learner Corpus (ALC) v2 -A New Written and Spoken Corpus of Arabic Learners-. White Rose Research Online URL for this paper: <http://eprints.whiterose.ac.uk/79561/> [12 Julai 2019].
- Abdullah Alfaifi & Eric Atwell. Arabic Learner Corpus and Its Potential Role in Teaching Arabic to Non-Native Speakers. -. White Rose Research Online URL for this paper: <http://eprints.whiterose.ac.uk/79561/> [12 Julai 2019].
- Tressy Arts, Yonatan Belinkov, Nizar Habash, Adam Kilgarriff, Vit Suchomel. 2014. arTenTen: Arabic Corpus and Word Sketches. *Journal of King Saud University – Computer and Information Sciences* 2014 (26):357-371.
- Abdullah Alfaifi. 2014. Error Tagset of Arabic (ETAr) V2. [http://www.abdullahalfaifi.com/Error Tagset for Arabic Learner Corpora.html](http://www.abdullahalfaifi.com/Error%20Tagset%20for%20Arabic%20Learner%20Corpora.html). [8 Julai 2019].
- Abdullah Yahya g. Alfaifi. 2015. Building the Arabic Learner Corpus and a System for Arabic Error Annotation. Tesis Doktor Falsafah, University of Leeds.
- Pan Jichun. 2015. A Corpus-based Study on Errors in Writing Committed by Chinese Students. *Linguistics and Literature Studies* Jil. 3(5): 254-258.
- Wajdi Zaghouni, Nizar Habash, Houada Bouamor, Alla Rozovskaya, Behrang Mohit, Abeer Heider and Kemal Oflazer. 2015. Correction Annotation for Non-Native Arabic Texts: Guidelines and Corpus. *Proceeding of LAW IX – The 9th Linguistic Annotation Workshop 5 Jun 2015* pp: 129-139.
- Yonatan Belinkov, Alexander Magidow, Maxim Romanov, Avi Shimidman dan Moshe Koppel. 2016. Shamela: A Large-Scale Historical Arabic Corpus. <https://www.semanticscholar.org/paper/Shamela%3A-A-Large-Scale-Historical-Arabic-Corpus-Belinkov-Magidow/b1eb22273386e209b4861b1da467d3bd1ce9ebdd> [31 Julai 2019].

- Ahmad Harith Syah B. Md. Yusuf, Zuraidah Bt. Mohd Sulaiman, Hoo Fang Jing, Raihan Ibrahim. 2016. Pendekatan Data Korpus dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. Kertas Kerja Persidangan National Conference of Research on Language Education 2016 (RoLE 2016). Anjuran Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Melaka. 22-23 Ogos 2016.
- Zainur Rijal Abdul Razak. 2014. Word Usage Variation in Arabic Newspapers: A Corpus Investigation. *GEMA Online® Journal of Language Studies* Vol. 14(4): 29-44.
- Majdi Sawalha & Eric Atwell. 2011. Corpus Linguistics Resources and Tools for Arabic Lexicography. <http://eprints.whiterose.ac.uk/81627/7/slides-SAWALHA-ATWELL%20%281%29.pdf> [31 Julai 2019].
- Anna Feldman, Ghazi Abukakema dan Eileen Fitzpatrick. 2008. ARIDA: An Arabic Interlanguage Database and Its Applications: A Pilot Study. Prosiding of the Twenty First International FLAIRS Conference Coconut Grove, Florida, hlm. 225-226.
- Mari Carmen, campoy-Cubillo, Begona Belles-Fortuno dan Ma Lluisa Gea-Valor (pnyt). 2010. *Corpus-Based Approaches to English Language Teaching*. Wolfgang Teubert & Micheala Mahlberg. London. Continuum.
- Muhammad Fauzi Jumingan. 2006. Penerjemahan atau Penerjemahan: Satu Analisa Korpus Data Berkomputer. *Pertanika journal of Social Sciences & humanities* Vol. 1(14): 43-49.
- Manvender Kaur Sarjit Singh. 2010. Sntax in a Business Context: A Learner Corpus Analysis. <https://www.researchgate.net/publication/257172846> [22 Julai 2019].
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. <http://prpm.dbp.gov.my/>
- Norliza Haji Jamaluddin. 2011. Analisis Kata Sifat Bahasa Melayu berdasarkan Data Korpus Berkomputer. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Bahasa dan Linguisti, Universiti Malaya.